



Bank Pilihan Anda

### HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan UNIDC. Pastikan anda membaca terma dan syarat bagi produk ini.

**BANK RAKYAT**  
**Sijil Hutang Islam Boleh Niaga Tanpa**  
**Pramatang (UNIDC)**

Tarikh: \_\_\_\_\_

#### 1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Sijil Hutang Islam Boleh Niaga Tanpa Pramatang (UNIDC) adalah produk deposit yang membayar kadar keuntungan tetap pada tempoh matang.

#### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Konsep Syariah yang digunakan adalah berasaskan Murabahah (meggunapakai amalan Tawarruq Dua Wakalah) di mana Bank dilantik sebagai ejen (selepas penyempurnaan kontrak Wakalah oleh pelanggan) untuk melaksanakan dan menyelesaikan transaksi Tawarruq melalui platform urusan niaga komoditi.
- Bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi bagi pihak pelanggan (berdasarkan konsep Wakalah Bil Ujrah yang telah dipersetujui) dan seterusnya membeli komoditi tersebut daripada pelanggan dengan harga Murabahah (jualan pada harga melebihi kos) secara tangguh. (Bank sebagai wakil jualan kepada pelanggan berdasarkan konsep Wakalah).
- Bank menjual komoditi miliknya kepada pihak ketiga melalui Platform Urusniaga Komoditi dan menggunakan dana deposit tersebut untuk aktiviti urusan niaga Bank.

#### 3. Apakah yang akan saya peroleh daripada produk ini?

|                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Deposit Minimum | RM60,001                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| Tempoh Deposit  | • Tempoh minimum adalah satu (1) hari sehingga 4 tahun 11 bulan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| Keuntungan      | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kadar keuntungan dibayar pada tempoh matang mengikut formula pengiraan keuntungan seperti berikut:<br/>(a) Terbitan pada harga Nominal:<br/><math display="block">\text{Prinsipal (RM)} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times \text{Tempoh/365 hari}</math></li><li>(b) Terbitan pada harga diskaun:<br/><math display="block">\text{Prinsipal (RM)} - [\text{Prinsipal (RM)}] \times [1 / [1 + (\text{Kadar Keuntungan} \times \text{Tempoh/365})]]</math></li><li>• Kadar keuntungan adalah mengikut kadar keuntungan semasa Bank dan tempoh yang ditetapkan ketika penempatan deposit.</li></ul> |

#### 4. Apakah syarat-syarat utama mengenai produk ini yang perlu saya ketahui?

|                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|--------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penebusan/Bayaran pada tarikh matang | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelanggan akan menerima amaun prinsipal bersama keuntungan pada tarikh matang.</li><li>• Pelanggan akan menerima amaun prinsipal pada tarikh matang sekiranya terbitan adalah pada harga diskaun.</li><li>• Pengeluaran awal/pramatang adalah <b>TIDAK</b> dibenarkan. Sekiranya Pelanggan hendak melakukan transaksi pramatang, Pelanggan boleh menjual sijil tersebut di pasaran sekunder.</li></ul> |
|--------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

#### 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya tanggung?

Tiada fi atau caj yang dikenakan.

**6. Apakah Risiko yang perlu saya tanggung?**

- **Risiko pasaran:** Merujuk kepada kesan kemungkinan daripada pergerakan harga yang memudaratkan (contohnya kadar keuntungan, kadar tukaran asing atau harga ekuiti, jika berkenaan) pada nilai ekonomi sesuatu aset;
- **Risiko kecairan:** Merujuk kepada kemungkinan pihak Bank gagal memenuhi kewajipannya berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui.
- **Risiko Operasi:** Pelanggan mungkin terdedah dengan sebarang potensi kerugian berpunca dari kekurangan pada proses kerja dalaman, wargakerja, sistem dan peristiwa di luar kawalan pihak Bank.

**7. Apakah yang harus dibuat sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?**

- Adalah penting untuk memaklumkan kepada pihak Bank sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran peribadi Pelanggan, bagi memastikan sebarang surat menyurat akan sampai kepada Pelanggan tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454 atau mana-mana cawangan bagi mengemaskini butiran Pelanggan yang terkini.

**8. Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?**

Sila rujuk risalah produk untuk butiran terperinci atau layari

[www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)

**Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:**

Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454  
 Isnin ke Jumaat  
 7:30 pagi ke 9:30 malam  
 Sabtu dan Ahad  
 8.30 pagi ke 5.30 petang

Bagi waktu selain dari yang dinyatakan di atas, sila hubungi: Pusat Data di 03-26129708.

Jabatan Pasaran Wang di talian 03-26129977 (talian urusniaga)  
 Isnin ke Jumaat  
 8:30 pagi ke 5:30 petang

**Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:**

Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454

atau menghantar aduan anda ke:  
 Unit Biro Aduan Awam,  
 Khidmat Pelanggan, Tingkat 9,  
 Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat,  
 No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral  
 50470 Kuala Lumpur

atau e-mel ke: [aduan@bankrakyat.com.my](mailto:aduan@bankrakyat.com.my)

atau hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
 Jalan Dato' Onn,  
 50480 Kuala Lumpur  
 Tel: 1-300-88-5465  
 Fax: 03-21741515  
 E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**AMARAN:**

**AMAUN PRINSIPAL PRODUK INI ADALAH DIJAMIN. HARGA JUALAN AKAN DIBAYAR KEPADA PELANGGAN PADA TARIKH MATANG. PENGELUARAN AWAL/PRAMATANG ADALAH TIDAK DIBENARKAN. SEKIRANYA PELANGGAN HENDAK MELAKUKAN TRANSAKSI PRAMATANG, PELANGGAN BOLEH MENJUAL SIJIL TERSEBUT DI PASARAN SEKUNDER. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURAN DEPOSIT MALAYSIA.**

Produk ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat pada 20 November 2011.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah mulai 24 Jun 2021.